



GARIS PANDUAN BAGI KESEDIAAN OPERASI

TAHAP 5

Kebiasaan Baharu

**SUKAN DALAM DEWAN DAN LUAR DEWAN
BAGI SEMUA ACARA SUKAN**

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

08 Mac 2021

GARIS PANDUAN BAGI KESEDIAAN OPERASI : TAHAP 5 KEBIASAAN BAHARU BAGI SUKAN DALAM DEWAN DAN LUAR DEWAN BAGI SEMUA ACARA SUKAN

Merujuk kepada Kenyataan Media Kementerian Kesihatan bertarikh 06 Mac 2021 mengenai **Perlaksanaan Pelan De-escalation Tahap Ke-Lima Kebiasaan Baharu** bagi acara-acara sukan. Bermula pada hari **Isnin, 21 Rejab 1442 bersamaan 08 Mac 2021**, di bawah **de-escalation tahap ke-lima kebiasaan baharu**, syarat-syarat dan garis panduan bagi semua acara sukan dalam dan luar dewan dikemaskinikan seperti berikut :

1. **Semua acara sukan adalah dibenarkan;**
2. **Penganjur Pertandingan atau Kejohanan Sukan adalah dibenarkan.** Penganjur hendaklah membuat **pendaftaran kejohanan dan rekod yang sewajarnya di pintu masuk** bagi tujuan pengesanan kontak, jika diperlukan.
3. Jumlah penonton hendaklah **dihadkan kepada 75% dari kapasiti ruang dan tidak melebihi 500 orang;**
4. **Mengimbas QR code premis dan Fasiliti Sukan untuk masuk** serta mendapatkan **kod hijau atau kuning sahaja.** Bagi individu yang **tidak mempunyai kemudahan** untuk mengimbas kod QR, bolehlah **mengisikan buku daftar** bagi mencatat butiran peribadi;
5. **Acara Sukan adalah dibenarkan. Sukan individu dan sukan berpasukan** termasuk sukan yang berupa **kontak adalah dibenarkan;**
6. **Digalakkan menggunakan kelengkapan sendiri** dan perlu disanitasi sebelum dan selepas penggunaan;
7. **Premis dan fasiliti dalam dewan** hendaklah **sentiasa dalam keadaan bersih** dan mempunyai **aliran udara yang baik;**
8. Individu yang kurang sihat **tidak dibenarkan menghadiri diri;**
9. **Syarat dan garis panduan lain** adalah seperti **Perincian lanjut** digariskan dalam **Lampiran A.**

Penggunaan premis dan fasiliti hendaklah mematuhi peraturan kerajaan. Bagi persediaan operasi tahap 5 kebiasaan baharu, langkah-langkah berikut hendaklah dilaksanakan.

1. TANGGUNGJAWAB PENGGUNAAN PREMIS DAN FASILITI SUKAN DALAM DEWAN DAN LUAR DEWAN DIBAHAGIKAN KEPADA TIGA ASPEK: GARIS PANDUAN UMUM, PERATURAN PREMIS DAN FASILITI SUKAN DAN TANGGUNGJAWAB PENGGUNA

A. Garis Panduan Umum

- (1) Premis dan fasiliti sukan dalam dewan dan luar dewan **dibenarkan beroperasi seperti waktu operasi biasa**;
- (2) **Mengimbas QR code premis dan Fasiliti Sukan untuk masuk** serta mendapatkan **kod hijau atau kuning sahaja**. Bagi individu yang **tidak mempunyai kemudahan** untuk mengimbas kod QR, bolehlah **mengisikan buku daftar** bagi mencatat butiran peribadi;
- (3) **Acara sukan adalah dibenarkan**;
- (4) **Penganjur Pertandingan atau Kejohanan Sukan adalah dibenarkan**. Penganjur hendaklah membuat **pendaftaran kejohanan dan rekod yang sewajarnya di pintu masuk** bagi tujuan pengesanan kontak, jika diperlukan.
- (5) Jumlah penonton hendaklah **dihadkan kepada 75% dari kapasiti ruang dan tidak melebihi 500 orang**;
- (6) **Sukan individu dan sukan berpasukan** termasuk sukan yang berupa **kontak adalah dibenarkan**;
- (7) Pengguna digalakkan membawa **tuala dan botol air sendiri**;
- (8) **Pemeriksaan suhu badan** hendaklah dilakukan dan sanitasi tangan disediakan di pintu masuk dan tempat-tempat yang bersesuaian;
- (9) **Individu yang kurang sihat** adalah dinasihatkan untuk tidak menghadirkan diri;
- (10) **Menjaga kebersihan diri sepanjang masa** seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan *hand sanitizer* serta menggunakan sungkup muka bila berada dikawasan yang penuh sesak;
- (11) **Papan tanda dan poster langkah-langkah pencegahan COVID-19** hendaklah dipaparkan;
- (12) Untuk maklumat lanjut mengenai COVID-19, orang ramai bolehlah menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148**.

B. Peraturan Premis Dan Fasilitas Sukan

- (1) Premis dan Fasilitas Sukan Dalam Dewan dibenarkan beroperasi pada kadar **kapasiti** seperti biasa **mengikut kapasiti ruang premis dan fasilitas dalam satu masa**;
- (2) **Restaurant, kafeteria atau kantin** dibenarkan untuk beroperasi seperti biasa iaitu pada kadar **kapasiti 100% dan perkhidmatan buffet adalah dibenarkan**;
- (3) Penggunaan **locker room dan tempat mandi** adalah dibenarkan;
- (4) Jumlah penonton yang hadir adalah **dihadkan kepada 75% dari kapasiti ruang dan tidak melebihi 500 orang**;
- (5) **Membersihkan dan mensanitasi peralatan** dan ruang premis dan fasilitas sukan sebelum dan selepas digunakan;
- (6) **Tandas hendaklah sentiasa bersih dan disanitasi** setiap masa.
- (7) Pihak Premis dan Fasilitas Sukan hendaklah sentiasa **mematuhi langkah-langkah berwaspada**;
- (8) **Petugas Premis dan Fasilitas Sukan** digalakkan **memakai face mask**;
- (9) Memastikan Premis dan Fasilitas Sukan Dalam Dewan sentiasa bersih dan mempunyai **aliran udara yang baik**.

C. Tanggungjawab Pengguna

- (1) Pengguna hendaklah **mendaftar secara advanced (pre-booking)**;
- (2) **Mengimbas QR code premis dan Fasilitas Sukan untuk masuk** serta mendapatkan **kod hijau atau kuning sahaja**. Bagi individu yang **tidak mempunyai kemudahan** untuk mengimbas kod QR, bolehlah **mengisikan buku daftar** bagi mencatat butiran peribadi;
- (3) **Menggunakan peralatan yang betul** dan memakai **pakaian yang bersesuaian** untuk melindungi kulit;
- (4) **Digalakkan menggunakan kelengkapan** sendiri dan perlu disanitasi sebelum dan selepas penggunaan;
- (5) **Membawa disinfectant sendiri** sebagai perlindungan;
- (6) Pengguna digalakkan membawa **tuala dan botol air sendiri**;
- (7) Jika menggunakan 'exercise mat', **bentangkan tuala di atas mat** awda;

- (8) Tidak digalakkan untuk **bersalam-salaman**;
- (9) **Menjaga kebersihan diri sepanjang masa** seperti kerap mencuci tangan atau menggunakan *hand sanitizer* serta menggunakan sungkup muka bila berada dikawasan yang penuh sesak;
- (10) **Mengasingkan diri**, tidak memasuki tempat-tempat awam dan segera berjumpa dengan doctor untuk mendapatkan rawatan apabila kurang sihat.